

22/05/2000

BN sudah melepasi halangan pertama

SEREMBAN: Barisan Nasional (BN) sekurang-kurangnya sudah melepasi suatu halangan untuk mempertahankan kerusi Parlimen Teluk Kemang apabila semua pemimpin dan ahli parti komponen, terutama Umno, MCA dan Gerakan menerima dan menyokong keputusan pucuk pimpinan BN memilih calon MIC anak tempatan bertanding di situ dalam pilihan raya kecil 10 Jun ini.

Perkara ini segera dihebahkan kepada mereka serta pengundi bagi meredakan kebimbangan yang wujud, termasuk juga Persatuan Penduduk Port Dickson, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang tidak ketinggalan meminta BN kali mengetengahkan anak kelahiran daerah Port Dickson mewakili mereka pada peringkat Pusat selepas tarikh penamaan calon dan pembuangan undi diumumkan Suruhanjaya Pilihan Raya.

Bagi sesetengah pihak soal anak tempatan atau orang luar bertanding dalam pilihan raya umum atau kecil adalah remeh dan tidak perlu ditimbulkan kerana tidak relevan dengan sikap keterbukaan dan kebijaksanaan pengundi membuat penilaian sendiri sekarang, tetapi mengikut hujah pemimpin peringkat akar umbi, anak tempatan yang dipilih untuk diletakkan sebagai calon didapati mempunyai lebih banyak kelebihan.

"Kita sudah banyak kali menghadapi pilihan raya, saban kali pemilihan calon memeningkan pucuk pimpinan walaupun kita juga diberi kesempatan untuk mengemukakan pandangan. Akhirnya yang menentukan keputusan ialah pucuk pimpinan dan ini perlu dihormati dengan menyokong calon yang dipilih bagi menjamin kemenangan.

"Kerja kita lebih mudah malah lebih selesa apabila calon tempatan dipilih manakala dia juga tidak sukar dan kekok memahami rentak serta ragam kehendak pengundinya apabila turun ke padang berkempen.

"Inilah kelebihan yang ada antara anak tempatan dan orang luar. Bukan kita menolak orang luar kerana memang ramai calon berkeelayakan dan berwibawa untuk diketengahkan, tetapi pucuk pimpinan seharusnya tidak mudah mengetepikan permintaan kecil golongan peringkat bawah," kata beberapa pemimpin cawangan Umno dan MIC.

Pada umumnya, pengundi sudah diberi jaminan bahawa BN tetap meletakkan anak tempatan bagi menghadapi tentangan pembangkang sejak beberapa minggu lalu dan ini diperkuatkan lagi apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menyampaikan amanat dalam pertemuan khas dengan kira-kira 200 pemimpin bahagian dan ketua cawangan dalam bahagian Teluk Kemang di kediaman Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di Seremban beberapa lalu.

Sebelum ini juga, Mohd Isa selaku pengerusi BN negeri dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu turut menyatakan perkara sama ketika bertemu pemimpin Umno, MIC dan MCA bahagian Teluk Kemang dalam beberapa siri perjumpaan bersama rakyat di Port Dickson.

Bagi pemimpin dan ahli parti komponen di bahagian itu, mereka memang sudah memahami kerusi berkenaan tidak boleh dijadikan isu lagi kerana mengikut tradisinya sejak 1959, ia diwakili calon MIC seperti Datuk K Pathmanaban, Prof Datuk Dr T Marimuthu, Dr L Krishnan dan mendiang S A Anpalagan. Oleh itu, isu ini tidak berbangkit lagi dan mereka sekarang sudah memulakan langkah dengan menggerakkan jentera masing-masing.

Beberapa nama turut menjadi pilihan untuk dicalonkan MIC, tetapi setiausaha politik Samy Vellu, S Sothinathan yang juga anak tempatan Port Dickson mengatasi yang lain dan ini hanya dapat diketahui beberapa hari lagi selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku

presiden BN mengumumkannya.

Mengikut rekod, kerusi Teluk Kemang secara tradisinya milik BN, kecuali pada 1969 apabila DAP menyapu bersih kerusi Parlimen itu, termasuk kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Lukut, Si Rusa, Linggi dan Chembong. Satu lagi kerusi Dun yang wujud ketika itu, iaitu Jimmah turut dirampas parti pembangkang itu untuk tempoh lima tahun.

Sejarah itu tidak mungkin luput daripada ingatan untuk dijadikan iktibar atau diabaikan kerana pendirian 30,282 Melayu atau 45.5 peratus yang membentuk majoriti daripada keseluruhan 66,646 pengundi berdaftar amat penting jika Keadilan tetap dengan pendiriannya meletakkan calon Melayu itu walaupun didesak jangan berbuat begitu oleh rakannya, DAP yang secara mutlak mendakwa kerusi itu adalah miliknya dan tidak boleh diserahkan kepada pihak lain, kecuali dalam pilihan raya umum lalu dipinjamkan kepada Keadilan yang calonnya bertanding atas tiket DAP mengikut sistem pertukaran kerusi yang dipersetujui bersama barisan alternatif ketika itu.

BN memang menjangka kemungkinan ini berlaku berikutan keghairahan Keadilan yang diura-urakan meletakkan Ketua Penerangannya, Ruslan Kasim yang juga ketua perhubungan negeri bertanding di situ di samping DAP yang akan menggadaikan salah seorang pemimpin Pusat.

"Ruslan dikalahkan ketua Wanita negeri, Datuk Napsiah Omar dalam pilihan raya umum lalu dan kali ini membuat cubaan kedua untuk menagih simpati pengundi Melayu atau alasan lain seperti memecahkan undi Melayu.

"Semua dah tahu dan faham benar niat bekas pemimpin Pemuda Umno itu mengalih pandangannya ke Teluk Kemang dan apa pun alasannya, tak menjadi hal kepada kami. Bangkitlah isu apa sekalipun untuk memikat pengundi, kami akan membuktikan kepada Keadilan dan DAP, undi kami adalah untuk BN," kata beberapa pengundi di Kampung Sawah, Pasir Panjang, Linggi dan Chembong.

Pengundi menolak parti lawan yang bertanding di Teluk Kemang, termasuk bagi kerusi Dun Chembong, Linggi, Si Rusa dan Lukut dalam pilihan raya umum lalu dan mereka melakukannya sekali lagi kerana ini bukanlah suatu tugas berat bagi mereka membuktikannya jika mereka mahukan wakil rakyat daripada anak tempatan untuk meneruskan khidmat berkesan.

(END)